26/07/1999

Y2K: MAS guna sistem manual

Kadir Dikoh

SEPANG, Ahad - Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini membayangkan kemungkinan Penerbangan Malaysia (MAS) menggunakan sistem manual untuk penerbangan pada 31 Disember sebagai langkah berjaga-jaga menghadapi masalah tahun 2000 atau Y2K.

Bagaimanapun, beliau berkata perkara itu akan diputuskan terlebih dahulu oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) yang bukan saja meliputi MAS, malah syarikat penerbangan lain di seluruh dunia.

"ICAO sedang mengkaji semua ini dan mereka akan membuat syor serta pengauditan (pematuhan Y2K) yang amat ketat di Eropah, Asia dan Amerika Syarikat, setelah membuat siasatan.

"Mereka (ICAO) akan membuat syor kemudian sama ada kita akan terpaksa menggunakan sistem manual andainya sesuatu yang tidak kena," katanya kepada pemberita selepas upacara memulakan pukulan golf terjauh di atas landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada MAS akan terpaksa mengurangkan jumlah penerbangan pada 31 Disember ini bagi menghadapi sebarang kemungkinan masalah Y2K. Bank pula mengisytiharkan 31 Disember ini sebagai hari tiada urus niaga.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini dipetik sebagai berkata bahawa beberapa negara juga membuat keputusan menghentikan penerbangan untuk tempoh tertentu, tetapi setakat ini beliau belum dimaklumkan sama ada MAS akan berbuat demikian atau sebaliknya.

Jumaat lalu, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie berkata sehingga kini semua komponen kritikal sudah mematuhi syarat Y2K. Untuk sektor pengangkutan iaitu bagi pengangkutan udara, MAS sudah mencapai tahap 85 peratus bagi komponen kritikal.

Y2K ialah masalah perisian komputer yang hanya membaca dua digit terakhir dengan menganggap dua digit terdahulu sebagai 19. Ini bermakna mulai 1 Januari 2000, perisian dalam komputer akan membaca tahun 2000 sebagai 1900 dan mungkin mendatangkan masalah kepada peralatan menggunakan komputer.

Komputer mencatatkan tahun 2000 sebagai 00 bersamaan dengan tahun 1900 apabila memasuki abad ke-21. Tanpa memprogramkan semula komputer, sistem yang sedia dipakai tidak mengenal abad ke-21 dan gagal berfungsi, termasuk dalam bidang penerbangan.

Sebelum ini, Pengarah Program Y2K (Perniagaan) MAS, Kapten Ooi Teong Siew, berkata syarikat penerbangan itu akan beroperasi dengan lancar menjelang tahun 2000 apabila hampir kesemua usaha menepati keperluan dalam menghadapi masalah Y2K selesai. Antara usaha yang dilakukan ialah memastikan pesawat Boeing siri 700 menepati keperluan untuk Y2K.

Dr Ling berkata, ICAO akan tampil dengan syor bagaimana syarikat penerbangan menangani masalah Y2K itu nanti dan semua langkah keselamatan akan diambil kira termasuk penerbangan satu hala saja di beberapa laluan.

Dilaporkan laluan udara di Asia-Pasifik akan diasingkan menjadi satu hala pada 31 Disember ini iaitu laluan terus dari destinasi ke destinasi tanpa laluan bersilang mengikut pelan kecemasan terhadap sebarang gangguan Y2K.

Beliau berkata, pemisahan laluan itu dicadangkan sebagai langkah berjaga-jaga andainya sesetengah syarikat penerbangan di dunia ini tidak mematuhi sepenuhnya keperluan Y2K.

"Mungkin keseluruhan lapangan terbang adalah sempurna (pematuhan Y2K) tetapi sebahagian syarikat penerbangan asing mungkin tidak mematuhi Y2K. Dengan itu, pemisahan untuk keselamatan ini diambil kira.

"Akan ada peraturan menjadi satu laluan. Anda tidak boleh mempunyai dua laluan andainya ada penerbangan tidak mematuhi keperluan Y2K. Tetapi semua langkah keselamatan sedang dikaji oleh ICAO yang akan mengemukakan syor itu kemudian," katanya.

April lalu, The Boeing Company, pengeluar pesawat komersil terbesar dunia, mengumumkan semua pesawat keluarannya menepati tahap pematuhan masalah Y2K. Pengumuman itu dibuat selepas berakhirnya ujian menyeluruh terhadap sembilan jenis pesawat keluarannya iaitu B717, B737 Classic dan Next Generation, B747, B757, B767, B777, MD11 dan MD80/90.

Pesawat B737, B747 dan B777 digunakan dengan meluasnya oleh syarikat penerbangan tempatan, khususnya MAS.

(END)